

20 JUN 2000

Tembakau - Tutup

PPI MELAKA/NEGERI SEMBILAN KESAL KENYATAAN LTN DITUTUP

MELAKA, 20 Jun (Bernama) -- Persatuan Penanam Pengawet Individu (PPI) Melaka/Negeri Sembilan kesal dengan kenyataan Yang Dipertua Dewan Pengawet Malaysia (DPM), Sharkhan Abdul Rahman yang mencadangkan supaya Lembaga Tembakau Negara (LTN) ditutup.

Pengerusinya, Omar Long berkata adalah tidak wajar bagi Sharkhan membuat kenyataan sedemikian kerana peranan yang dimainkan oleh LTN kepada peserta program PPI di seluruh negara terbukti berjaya.

Cadangan menutup LTN dan mewujudkan sebuah syarikat Tembakau Rokok Berhad (TRB) tidak rasional dan seolah-olah mempunyai kepentingan peribadi, katanya kepada pemberita pada sidang media di sini hari ini.

Menurutnya, kenyataan Sharkhan yang mendakwa penubuhan TRB adalah bagi menjamin masa depan penanam dan pengawet termasuk kawalam pemasaran di bawah pengilang rokok adalah tidak benar.

Sharkhan dilaporkan berkata cadangan agar kerajaan menutup LTN adalah diantara beberapa cadangan dalam memorandum mengatasi masalah yang melanda industri tembakau negara yang akan diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Sehingga kini LTN tidak pernah campur tangan terhadap penjualan tembakau yang dilakukan secara terus kepada pengilang tanpa pengelibat orang tengah...kewujudan TRB pula akan berfungsi sebagai orang tengah," katanya.

Omar berkata setakat ini sebanyak 49 peserta program PPI Melaka/Negeri Sembilan yang menjalankan kegiatan menanam tembakau melibatkan lebih 100 hektar tanah yang dijalankan oleh LTN.

"LTN telah memilih kami daripada penanam tembakau biasa kepada peserta program PPI yang secara tidak langsung berjaya menaikkan taraf hidup kami menjadi usahawan kecil," katanya.

Seorang peserta program PPI, Abdul Rahim Hussin pula berkata sebelum menyertai program PPI yang bermula 1997 lepas beliau adalah penanam tembakau untuk sebuah syarikat swasta di samping mengusahakan tanaman padi dan sayur-sayuran.

"Saya hampir-hampir meninggalkan bidang pertanian disebabkan hasil keluaran tidak laku dan dipermainkan oleh orang tengah...ketika itu DPM tidak pernah mengambil tahu masalah yang dihadapi oleh petani tembakau," katanya.

Beliau berkata LTN telah memperlihatkan kemampuannya dalam melahirkan golongan usahawan kecil melalui program PPI manakala DPM pula telah menonjolkan kegagalan mereka dalam menangani masalah sendiri terutama dari segi kos pengeluaran.

"Dakwaan Sharkhan kos pengeluaran tembakau RM14.80 se kg dan harga jualan RM12 se kg adalah tidak benar, bagi kami peserta program PPI kos pengeluaran sekitar RM6 hingga RM6.50 se kg manakala harga jualan pula RM15 se kg," katanya.

--BERNAMA

MYD zb